

Pemuda kaji isu ekonomi

KUALA LUMPUR, Selasa — Pergerakan Pemuda Umno akan mengadakan Kongres Ekonomi Pemuda selama dua hari di sini mulai 18 Februari ini.

Ketua pergerakan itu, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kongres yang akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba itu, akan mengkaji pelbagai aspek mengenai ekonomi negara.

"Ia juga akan merumuskan beberapa cadangan ke arah penggabulan dasar ekonomi kebangsaan selepas 1990," katanya.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat exco pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini, Datuk Seri Najib berkata beberapa kertas kerja akan dibentangkan dalam kongres itu, antaranya mengenai masalah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) selepas 1990, Dasar Pengswastaan, Kemiskinan dan Pembangunan Sumber Manusia.

Datuk Seri Najib berkata kongres itu bertujuan merumuskan pandangan daripada pergerakan itu bagi membantu kerajaan menggubal dasar ekonomi kebangsaan selepas 1990.

Menurutnya, pergerakan itu mempunyai dua wakil dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang mengadakan mesyuarat pertamanya 20 Januari lalu.

Datuk Seri Najib yang juga Menteri Belia dan Sukan, berkata setiap pandangan pemuda berhubung dengan soal dasar ekonomi negara selepas 1990 akan disalurkan kepada MPEN melalui dua

Oleh HAJI TAJUDDIN SAMAN

wakilnya itu.

"Rumusan itu juga akan dikemukakan sebagai cadangan konkrit daripada Pemuda kepada MPEN dan ia adalah sumbangan kita untuk menstabilkan kedudukan ekonomi negara pada masa depan," katanya.

Menurutnya, kongres berkenaan akan disertai oleh wakil badan-badan serta agensi kerajaan, swasta, orang perseorangan dan ahli-ahli akademik.

Sokongan

Katanya, Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin, akan menyampalkan ucapan khas, pada sebelah malam selepas kongres itu dirasmikan oleh Encik Ghafar.

Menegenal penyertaan semula Datuk Musa Hitam dalam Umno, Datuk Seri Najib, berkata pergerakan itu sudah meramalkan langkah bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Bagaimanapun, katanya, tindakan Datuk Musa itu adalah selaras dengan dasar Umno yang sentiasa membuka pintunya kepada setiap orang Melayu.

Beliau menyifatkan langkah itu sebagai sokongan untuk mengukuhkan kembali perpaduan dalam parti yang menjadi warisan kepada perjuangan menentang penjajahan sejak 1946.